



جابتن حال إحوال إكمام إسلام قولوا قينخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH
**ANTARA SORAKAN
PIALA DUNIA DAN UNTUNG
YANG MEMBINASAKAN**



Tarikh Bacaan:
26 JUN 2026M / 10 MUHARRAM 1447H

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
PULAU PINANG

***Jawatankuasa
Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang***

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Mantan Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



Antara Sorakan Piala Dunia dan Untung Yang Membinasakan

26 Jun 2026M/ 10 Muharram 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: قَالَ أَجْعَلْنِي عَلَى خَزَائِنِ الْأَرْضِ إِنِّي حَفِيظٌ عَلَيْمُ ﴿٥٥﴾ سورة يوسف
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْوَاحِدُ الْحَقُّ الْمُبِينُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، أَرْسَلَهُ هِدَايَةً وَرَحْمَةً لِلْعَالَمِينَ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَاتَّقُوا اللَّهَ يَا عِبَادَ اللَّهِ وَأَطِيعُوهُ، وَاعْلَمُوا أَنَّكُمْ مُلَاقُوهُ، وَأَنَّ مَا عِنْدَ اللَّهِ
خَيْرٌ وَأَبْقَى.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Khatib menyeru diri sendiri serta para hadirin agar bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*, seiring dengan pertambahan usia yang dikurniakan. Marilah kita menjaga adab ketika berada di masjid dengan menghindari perbuatan berbual kosong, membuat bising atau menggunakan gajet tanpa keperluan, serta tidur dengan sengaja. Sesungguhnya Allah sentiasa memerhati setiap perbuatan kita.

Pada hari yang penuh berkat ini, mimbar ingin mengajak sidang Jumaat sekalian untuk menghayati khutbah yang bertajuk: **Antara Sorakan Piala Dunia dan Untung Yang Membinasakan.**



SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Kehadiran musim bola sepak, khususnya Piala Dunia, lazimnya mencetuskan suasana yang meriah. Ramai yang mengikuti jadual perlawanan, menyokong pasukan pilihan, membincangkan prestasi pemain dan menantikan keputusan setiap perlawanan dengan penuh minat.

Islam tidak mengharamkan sukan dan hiburan yang bebas daripada unsur maksiat serta tidak melalaikan manusia daripada mengingati Allah. Bahkan Islam menggalakkan umatnya memiliki tubuh yang sihat, minda yang cergas dan kehidupan yang seimbang. Namun, yang dibimbangi ialah apabila hiburan bertukar menjadi kelalaian, minat berubah menjadi ketagihan, dan sokongan kepada pasukan menyebabkan seseorang mengabaikan tanggungjawabnya kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*.

Ada yang sanggup berjaga malam kerana perlawanan, tetapi berat untuk bangun menunaikan solat Subuh. Ada yang mampu menunggu sepak mula dengan penuh sabar, tetapi sukar menyediakan masa untuk bermunajat kepada Allah. Ada yang sangat cakna dengan jadual perlawanan, tetapi lalai menjaga jadual solat dan kewajipan sebagai hamba. Firman Allah dalam Surah at-Takathur ayat 1 – 2:

أَلْهَكُمُ التَّكَاثُرُ ﴿١﴾ حَتَّىٰ زُرْتُمُ الْمَقَابِرَ ﴿٢﴾

Maksudnya: *“Kamu telah dilalaikan (daripada mengerjakan amal bakti) oleh perbuatan berlumba-lumba untuk mendapat dengan sebanyak-banyaknya (harta-benda, anak-pinak, pangkat dan pengaruh), sehingga kamu masuk ke dalam kubur.”*

Ayat ini mengingatkan kita bahawa manusia mudah dilalaikan oleh dunia yang sementara. Lalai dengan hiburan, permainan, kemasyhuran, harta, keseronokan dan perkara yang tidak memberi manfaat kepada akhirat. Sedangkan kehidupan dunia hanyalah persinggahan, manakala akhirat ialah tempat kembali yang kekal abadi.

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Firman Allah *سُبْحَانَہُ وَتَعَالَى* dalam Surah al-'Ankabut ayat 64:

وَمَا هَذِهِ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا لَهُوٌّ وَلَعِبٌ وَإِنَّ الدَّارَ الْآخِرَةَ لَهِيَ الْحَيَوَانُ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ ﴿٦٤﴾

Maksudnya: *“Dan kehidupan dunia ini tidak lain hanyalah hiburan dan permainan. Sesungguhnya negeri akhirat itulah kehidupan yang sebenar, kalaulah mereka mengetahui.”*

Maka, bukanlah salah untuk mengikuti perkembangan sukan. Tetapi yang salah ialah apabila sukan menyebabkan solat diabaikan, zikir ditinggalkan, kesihatan dikorbankan, keluarga dilalaikan dan lebih parah lagi apabila seseorang terjebak dengan perjudian serta pertaruhan.

Ini adalah bahaya yang sering datang bersama demam bola sepak. Pada zahirnya nampak meriah dan menghiburkan, tetapi jika tidak dikawal, ia boleh menjadi pintu kelalaian dan kebinasaan.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sempena musim Piala Dunia, aktiviti pertaruhan haram atau *bookie* lazimnya semakin mendapat perhatian. Ia tidak lagi terhad kepada bentuk lama, bahkan berkembang melalui platform dalam talian, aplikasi telefon,

kumpulan tertutup, pautan digital, ramalan skor dan pelbagai bentuk pertaruhan yang kelihatan mudah dicapai.

Mungkin ada yang menganggapnya sekadar suka-suka, jumlahnya kecil atau hanya gurauan sesama rakan. Namun hakikat perjudian bukan terletak pada jumlah wang yang dipertaruhkan, sama ada kecil atau besar. Yang menjadi ukuran ialah sifat transaksi tersebut. Apabila seseorang boleh mendapat keuntungan jika menang dan mengalami kerugian jika kalah, sedangkan keuntungan itu datang daripada kerugian pihak lain, maka di situlah wujud unsur *maisir* yang diharamkan.

Maisir ialah keuntungan yang diperoleh melalui nasib, pertaruhan, spekulasi atau kerugian pihak lain, bukan melalui usaha yang halal dan sebenar. Para ulama telah bersepakat tentang pengharaman *maisir* dalam segala bentuknya kerana ia merosakkan individu, keluarga dan masyarakat. Firman Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dalam Surah al-Ma'idah ayat 90 yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah adalah kotor daripada perbuatan syaitan. Maka jauhilah ia supaya kamu berjaya.”

Perhatikanlah bahawa Allah SWT menggunakan kalimah *فَاجْتَنِبُوهُ*, iaitu jauhilah. Ini bermaksud umat Islam bukan sahaja dilarang berjudi, bahkan dituntut menjauhi segala pintu yang membawa kepada perjudian, termasuk mempromosikan, menjadi perantara, bersubahat atau menormalisasikannya dalam masyarakat.

Justeru, keuntungan yang diperoleh melalui sistem pertaruhan, *bookie*, judi dalam talian atau permainan yang mengambil wang orang lain secara batil adalah haram dan tidak diberkati.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita meletakkan dunia pada tempatnya. Sukan boleh diminati, tetapi jangan sampai menguasai hati. Hiburan boleh dinikmati, tetapi jangan sampai melalaikan diri. Pasukan boleh disokong, tetapi jangan sampai menimbulkan permusuhan. Pertandingan boleh disertai, tetapi jangan sampai dicemari perjudian.

Jika kita sanggup meluangkan masa untuk menyaksikan perlawanan, maka luangkanlah juga masa untuk mendirikan solat. Jika kita sanggup berjaga malam kerana sukan yang diminati, maka hidupkanlah juga malam walau sebentar bertahajjud kepada Illahi. Sesungguhnya satu gol tidak akan menyelamatkan kita di akhirat, tetapi satu sujud kerana Allah mampu mengangkat darjat kita di sisi-Nya. Firman Allah SWT dalam Surah al-Isra' ayat 79 menyebut:

وَمِنَ اللَّيْلِ فَتَهَجَّدْ بِهِ نَافِلَةً لَّكَ عَسَىٰ أَنْ يَبْعَثَكَ رَبُّكَ مَقَامًا مَّحْمُودًا ﴿٧٩﴾

Maksudnya: “Dan pada sebahagian malam, bertahajjudlah kamu sebagai ibadah tambahan bagimu; mudah-mudahan Tuhanmu mengangkatmu ke tempat yang terpuji.”

Sabda Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:

أَفْضَلُ الصَّلَاةِ بَعْدَ الصَّلَاةِ الْمَكْتُوبَةِ الصَّلَاةُ فِي جَوْفِ اللَّيْلِ

Maksudnya: “Solat yang paling afdhal selepas solat fardu ialah solat pada pertengahan malam.” (Hadis Riwayat Muslim)

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran:

Pertama: Islam tidak mengharamkan hiburan dan sukan selagi ia tidak melalaikan manusia daripada tanggungjawab kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*.

Kedua: Perjudian dan pertaruhan, sama ada secara nyata atau dalam talian, tetap haram walaupun dinamakan permainan, cabaran, ramalan skor atau suka-suka.

Ketiga: Jadikan malam bukan sekadar waktu menonton dan bersorak, tetapi juga waktu untuk sujud, berdoa, beristighfar dan kembali kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*.

Firman Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dalam Surah al-Maidah ayat 91:

إِنَّمَا يُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُوقِعَ بَيْنَكُمُ الْعَدَاوَةَ وَالْبَغْضَاءَ فِي الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ وَيَصُدَّكُمْ

عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَعَنِ الصَّلَاةِ فَهَلْ أَنْتُمْ مُنْتَهُونَ ﴿٩١﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya syaitan itu hanyalah bermaksud mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian antara kamu melalui arak dan judi, serta mahu menghalang kamu daripada mengingati Allah dan daripada solat. Maka tidakkah kamu mahu berhenti?”

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ اللهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا،
وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

2026M/1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجٍ مُنِيرٍ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاَعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bersempena dengan Hari Asyura, marilah kita merebut peluang memperbanyakkan amal soleh khususnya dengan berpuasa pada hari kesepuluh Muharam serta menambah puasa sehari sebelum atau sehari selepasnya sebagaimana sunnah Rasulullah SAW. Hari Asyura mengingatkan kita bahawa pertolongan Allah sentiasa dekat kepada hamba-hamba-Nya yang beriman, bersabar dan bertawakal. Maka jadikanlah detik ini sebagai ruang untuk memperbaharui taubat, memperkukuhkan keimanan dan meningkatkan rasa syukur atas segala nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT.

Mimbar juga ingin mengingatkan seluruh jemaah agar mematuhi keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang berhubung penggunaan pembesar suara masjid dan surau, iaitu penggunaan pembesar suara luar hanya bagi azan dan iqamah, manakala program-

program lain hendaklah menggunakan pembesar suara dalaman demi menjaga kemaslahatan umum, keharmonian masyarakat serta adab sesama Muslim.

Mimbar juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para wartawan dan pengamal media sempena Sambutan Hari Wartawan Nasional 2026 (HAWANA). Sesungguhnya tugas menyampaikan maklumat adalah satu amanah yang besar. Justeru, para pengamal media hendaklah sentiasa menjunjung nilai kebenaran, integriti dan profesionalisme, manakala seluruh umat Islam pula dituntut mengamalkan sikap *tabayyun*, iaitu menyelidik dan memastikan kesahihan sesuatu berita sebelum mempercayai atau menyebarkannya agar keharmonian dan kesejahteraan masyarakat terus terpelihara.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِلْ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصِرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ
مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أُمَّتَنَا وَوَلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وَلَايَتَنَا فِيْمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ
الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا خُصُوصًا وَوَلَايَةَ قُولاو فِينِغَ آمِنًا مُظْمِنًا
سَخَاءَ رَخَاءٍ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفَّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوَلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ
اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى
صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka
Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib,
Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato'
Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah.

“Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang;
Jadikanlah kami dan keturunan kami orang yang istiqamah mendirikan
solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat melalui Zakat MAINPP dan
melaksanakan waqaf melalui Wakaf MAINPP.

Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian, serta
berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri
Pulau Pinang (MAINPP) dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-
ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.”

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ
عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكمام إسلام قولواو فینخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG